



KLINIK....pelajar UMS-KAL yang menyertai Kursus Asas Perahu Naga merakam kenangan di Pantai Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun.

## 46 pelajar UMS-KAL sertai klinik perahu naga

LABUAN : Seramai 46 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menyertai klinik asas perahu naga di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun, Sabtu lalu.

Klinik asas itu dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Sukan, UMS-KAL Equity Trust Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan.

Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil berkata, klinik sehari itu bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta teknik dan taktikal mengenai sukan perahu naga selain menggalakkan kakitangan bergiat secara aktif dalam bidang sukan dalam suasana yang harmoni.

Selain itu katanya, ia juga sebagai usaha kearah mempromosikan perahu naga sebagai satu produk sukan sekaligus dapat mengharumkan nama UMS-KAL sebagai penganjur sukan laut yang berwibawa di negara ini.

"ini kerana UMS-KAL terletak berhampiran pantai dan laut yang sesuai untuk penganjuran acara sukan pantai dan laut yang bertaraf antarabangsa" katanya.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dari Persatuan Dragon Boat Sabah, Geoffrey Daminus yang dibantu Charles Mark Yong dari Rasa Ria Resort, Pantai Dalit. Sementara itu, Geoffrey berkata kejayaan sesebuah pasukan bergantung kepada semangat berpasukan, kekuatan serta ketahanan mental dan fizikal serta latihan berterusan. -JAINUDIN DJIMIN